

INI PILIR V6 26 (e-mel)

Hm/ Variasi / Isnin 126.02.07 / Pg V6

UMP catat sejarah

IPTA pertama di negara ini terima pengiktirafan sijil Ohsas

FOTO | Abd Rahim Rahmat



IKTIRAF...Lee (kanan) menyampalkan Sijil Ohsas kepada Dr Mohamed Said di Ibu Pejabat Niosh, Bandar Baru Bangi, baru-baru ini.

>>Oleh Mohamad Hussin
mohamad@hmetro.com.my

UNIVERSITI Malaysia Pahang (UMP) atau dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (Kuktem) antara institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pertama di negara ini yang mendapat pengiktirafan Sijil Piawiaan Pelaksanaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (OHSAS) 18001:1999. Ia bagi memastikan persekitaran yang selamat dan sihat untuk pelajar dan kakitangannya.

UMP melalui Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) bekerja keras dalam satu pasukan bagi mendapatkan sijil berkenaan daripada Institut Kesihatan dan Keselamatan Pekerja (Niosh) di bawah kelolaan Niosh Certification Sdn Bhd (NCSB) iaitu skop Sistem Pengurusan Keselamatan Makmal.

Dalam satu majlis ringkas di ibu pejabat Niosh di Bandar Baru Bangi, Selangor, baru-

baru ini, UMP yang diwakili Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohamed Said Mat Lela menerima pengiktirafan berkenaan daripada Pengerusi Niosh, Tan Sri Lee Lam Thye.

Turut menyaksikan majlis bersejarah itu ialah Pengurus Besar (Operasi) Niosh, Maimunah Khalid dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) merangkap Pengerusi Kesihatan dan Keselamatan UMP, Prof Dr Badrulhisham Abdul Aziz.

Dr Mohamed Said berkata, sebelum UMP memohon untuk mendapatkan sijil itu, pelbagai proses dilakukan membabitkan keseluruhan peralatan dan proses kawalan, unit operasi dan tindak balas kejuruteraan, makmal kejuruteraan gas, peralatan utiliti, makmal peralatan projek perintis dan makmal analisis.

Menurutnya, permohonan akreditasi keselamatan makmal satu daripada tuntutan bagi menyokong visi dan misi UMP menjadi universiti bertaraf dunia melalui pengalaman aspek keselamatan di semua



makmalnya.

"Gerak kerja Ohsas bermula Mei lalu, diikuti kursus dan latihan berterusan selama empat bulan bagi melatih kakitangan FKKSA membabitkan pensyarah, jurutera, pegawai sains dan penolong jurutera pengajar berkaitan aspek keselamatan makmal.

"Bukan pensyarah dan kakitangan teknikal saja yang ter-



Bukan pensyarah dan kakitangan teknikal saja terbabat dalam projek itu, malah ia juga membabitkan pelajar secara terus menggunakan peralatan makmal berisiko tinggi. Aspek keselamatan di makmal penting bagi menjamin pelajar sentiasa selamat ketika menjalani kegiatan makmal"

>Dr Mohamed Said
Naib Canselor UMP

babit dalam projek itu, malah ia juga membabitkan pelajar yang secara terus menggunakan peralatan makmal yang berisiko tinggi.

"Aspek keselamatan di makmal penting bagi menjamin pelajar sentiasa selamat ketika menjalani kegiatan makmal," katanya.

Beliau berkata, FKKSA menetapkan syarat minimum kesela-

matan di makmal bagi pelajar dan kakitangan yang ingin memasukinya perlu memakai topi dan kasut keselamatan.

"Ini bertepatan dengan konsep reka bentuk makmal di UMP yang berkonsepkan 'teaching factory' dan pengalaman pemakaiannya sangat sesuai dilaksanakan di makmal ini.

"Elemen utama sebelum pelajar memulakan pembelajaran

makmal membabitkan peralatan berisiko tinggi mematuhi arahan keselamatan," katanya.

Menurutnya, industri kini sentiasa menitikberatkan aspek keselamatan, ia bertepatan dengan usaha UMP menjadikan pelajarnya lebih berdaya saing dalam bidang ini, sekali gus menjadikan mereka laris di pasaran kerjaya pada masa depan.

Sejarah penubuhan UMP itu bermula dengan Universiti Teknologi Malaysia Kampus Cawangan Pahang (UTMKCP) yang beroperasi di sebuah kampus di Bandar Indera Mahkota, Kuantan sejak tahun 1999.

Ia hasil cetusan idea Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang ketika itu memegang jawatan sebagai Menteri Pendidikan.

Hasilnya, Kabinet pada 26 Jun 2001 membuat keputusan menubuhkan Universiti Teknikal Awam berasaskan kemahiran di Pahang yang dinamakan Kuktem sebelum dinaik taraf sebagai UMP pada 1 Februari lalu.